



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 7 TAHUN 1993  
PERATURAN MENGENAI PEMANGKUAN  
DAN PENANGGUNGAN KERJA**

**TUJUAN**

1. Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk menjelaskan peraturan mengenai Pemangkuan dan Penanggungan Kerja di bawah Sistem Saraan Baru.

**TAFSIRAN**

2. Tafsiran mengenai pemangkuan dan penanggungan kerja adalah seperti berikut:
  - (i) "Pemangkuan" bermaksud aturan di mana seseorang pegawai diberi kelulusan menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan suatu jawatan secara penuh masa yang lebih tinggi grednya dari gred hakikinya dalam skim perkhidmatan pegawai berkenaan.

- (ii) "Penanggungungan kerja" bermaksud aturan di mana seseorang pegawai diberi kelulusan menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab suatu jawatan lain yang sama, lebih tinggi, atau lebih rendah tarafnya di samping menjalankan tugas-tugas jawatannya sendiri.

## **PEMANGKUAN DAN PENANGGUNGAN KERJA**

### **Pemangkuan**

- 3. Peraturan dan prinsip mengenai pemangkuan adalah seperti berikut:
  - (i) Pemangkuan selama 28 hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan, kelepasan am dan juga cuti rehat atas sebab-sebab kecemasan serta cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada 6 hari bekerja adalah layak dibayar Elaun Pemangkuan.
  - (ii) Seseorang pegawai yang telah memangku sesuatu jawatan bagi tempoh yang disyaratkan di perenggan kecil (i) di atas dan kemudian meninggalkan jawatan yang dipangkunya selama 28 hari atau lebih berturut-turut, termasuk hari kelepasan am, maka pegawai berkenaan tidak layak dibayar Elaun Pemangkuan bagi tempoh berkenaan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan berikut dan bagi tempoh yang tidak melebihi 92 hari berturut-turut termasuk hari kelepasan am, pegawai masih layak dibayar Elaun Pemangkuan, iaitu:
    - (a) menghadiri kursus yang diarah oleh Kerajaan;

- (b) meninggalkan jawatan untuk menjalankan tugas rasmi lain atas arahan Kerajaan; atau
  - (c) dibenarkan bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit
- (iii) Elaun Pemangkuan hendaklah dikira semula pada tiap-tiap kali tarikh pergerakan gaji tahunan ataupun pada bila-bila masa gaji pegawai berkenaan berubah.
- (iv) Pemangkuan yang kurang dari 6 bulan bagi sesuatu jawatan tidaklah dibenarkan, kecuali bagi jawatan-jawatan yang tidak boleh ditanggung kerja.

### **Penanggungan Kerja**

4. Peraturan dan Prinsip Penanggungan Kerja adalah seperti berikut:
- (i) Penanggungan Kerja selama 28 hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan, kelepasan am dan juga cuti rehat atas sebab-sebab kecemasan serta cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada 6 hari bekerja adalah layak dibayar Elaun Penanggungan Kerja.
  - (ii) Seseorang pegawai yang sedang menanggung kerja satu jawatan apabila mengambil cuti atau meninggalkan jawatan yang ditanggung

kerjanya itu selama 14 hari atau lebih berturut-turut, termasuk hari kelepasan am, maka pembayaran Elaun Penanggung Kerja hendaklah dihentikan bagi tempoh berkenaan.

- (iii) Seseorang pegawai yang pernah diluluskan menanggung kerja satu jawatan dan kemudiannya diluluskan menanggung kerja jawatan yang sama, boleh dibayar Elaun Penanggung Kerja sekiranya dia telah mengenakan tempoh selama tidak kurang daripada 14 hari berturut-turut termasuk hari kelepasan am kerana menjalankan tugas jawatan tersebut.
- (iv) Bagi penanggung kerja jawatan yang lebih rendah daripada taraf jawatan yang disandang oleh pegawai, Elaun Penanggung Kerja hanya layak dibayar sekiranya kedua-dua jawatan terlibat tidak mempunyai hubungan taraf tinggi rendah. Bagi maksud peraturan ini "hubungan taraf tinggi rendah" ialah apabila didapati dua jawatan dalam satu susunan kuasa yang berbeza tarafnya dan jawatan yang lebih rendah tarafnya itu bertanggungjawab kepada jawatan yang lebih tinggi. Oleh itu pegawai di taraf yang lebih tinggi tidak boleh menanggung kerja jawatan di bawah kawalannya.
- (v) Seseorang pegawai tidak dibenarkan menanggung kerja lebih daripada satu jawatan pada satu masa yang sama.

- (vi) Bagi penanggungungan kerja jawatan yang diwujudkan secara Khas Untuk Penyangang (KUP), pembayaran Elaun Penanggungungan Kerja hendaklah didasarkan sama ada pada gred hakiki jawatan KUP itu atau gred hakiki pegawai yang menyangang, mengikut mana yang lebih rendah.

## **KUASA MELULUS PEMANGKUAN DAN PENANGGUNGAN KERJA**

### **Pemangkuan**

5. Kuasa menimbang dan meluluskan pemangkuan ialah Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan.

### **Penanggungungan Kerja**

6. Kuasa meluluskan penanggungungan kerja adalah seperti berikut:

<b>Jawatan/Gred Yang Ditanggung Kerja</b>	<b>Kuasa Melulus</b>
i) Pegawai Perkhidmatan Kehakiman	Hakim Besar Malaya/ Hakim Besar Borneo
ii) Pegawai Perkhidmatan Undang-Undang	Peguam Negara

- |   |   |
|---|---|
| iii) Ketua Setiausaha<br>Kementerian  | Ketua Pengarah<br>Perkhidmatan<br>Awam  |
| iv) Semua jawatan dalam<br>Kumpulan Pengurusan<br>Tertinggi dan Kumpulan<br>Pengurusan dan<br>Profesional termasuk<br>Ketua Jabatan di bawah<br>Kementerian | Ketua Setiausaha<br>Kementerian   |
| v) Semua jawatan dalam<br>Kumpulan Pengurusan<br>Tertinggi dan Kumpulan<br>Pengurusan dan<br>Profesional di Jabatan   | Ketua Pengarah Jabatan<br>berkenaan atau pegawai<br>yang setaraf (bagi agensi<br>yang tidak menggunakan<br>gelaran Ketua Pengarah). |

vi) Semua jawatan Kumpulan Sokongan di Kementerian	Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
vii) Semua jawatan Kumpulan Sokongan di Jabatan	Timbalan Ketua Pengarah Jabatan berkenaan atau pegawai yang setaraf (bagi agensi yang tidak menggunakan gelaran Timbalan Ketua Pengarah)

## **FORMULA ELAUN PEMANGKUAN DAN PENANGGUNGAN KERJA**

### **Elaun Pemangkuan**

7. Elaun Pemangkuan ialah perbezaan di antara gaji permulaan jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai dengan syarat:

- (i) perbezaan itu tidak kurang daripada satu pergerakan gaji secara mendatar di gred hakiki pegawai. Jika perbezaan itu kurang daripada

satu pergerakan gaji, Elaun Pemangkuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji secara mendatar di atas tanggagaji jawatan yang dipangku; dan

- (ii) sekiranya gaji hakiki seseorang pegawai itu sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan jawatan yang dipangku, Elaun Pemangkuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji secara mendatar di atas tanggagaji jawatan yang dipangku.

Kaedah perkiraan Elaun Pemangkuan adalah seperti di [Lampiran 'A'](#)

### **Elaun Penanggungungan Kerja**

- 8. Elaun Penanggungungan Kerja ialah sebanyak 25% daripada gaji permulaan jawatan yang ditanggung kerja. Bagi jawatan yang menetapkan tanggagaji permulaan yang berbeza-beza selain daripada P1T1, maka gaji permulaan bagi tujuan perkiraan Elaun Penanggungungan Kerja ialah gaji permulaan yang terendah dalam skim perkhidmatan berkenaan. Kaedah perkiraan Elaun Penanggungungan Kerja seperti di [Lampiran 'B'](#).


### **PEMBATALAN**

- 9. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977** adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

10. Pekeliling Perkhidmatan ini mulai berkuatkuasa pada 1. 1. 1992.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mahmud Bin Taib', with a large, stylized initial 'M' on the left.

**(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

28 Disember 1993

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

s.k.:

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

**KAEDAH PERKIRAAN ELAUN PEMANGKUAN**

- (i) Elaun Pemangkuan ialah perbezaan di antara gaji permulaan (P1T1) dalam jadual matriks gred jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai. Sekiranya jumlah perbezaan itu sama atau lebih daripada satu pergerakan secara mendatar di gred hakikinya, maka pegawai akan dibayar Elaun Pemangkuan sebanyak perbezaan tersebut.

**Contoh:**

Seorang Jurutera Gred J3 memangku Gred J2.

Gaji hakiki pegawai : RM 2809 (P1T9)

Gaji permulaan Gred J2 : RM 3039

Perbezaan : RM 230 (lebih daripada satu pergerakan gaji secara mendatar di gred hakikinya)

Elaun Memangku : RM 230

- (ii) Jika perbezaan itu kurang daripada satu pergerakan gaji secara mendatar di gred hakikinya, atau tiada perbezaan sama sekali, Elaun Pemangkuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji secara mendatar di atas tanggagaji jawatan yang dipangku:

### Contoh 1

Seorang Pegawai Perubatan Gred U3 memangku Gred U2.

Gaji hakiki pegawai : RM 3031 (P1T22)

Gaji permulaan Gred U2 : RM 3041

Perbezaan : RM 10 (kurang daripada satu pergerakan gaji secara mendatar di gred hakikinya)

Elaun Memangku : RM 149 (P1T2 – P1T1 di Gred U2)

### Contoh 2

Seorang Pegawai Pertanian Gred G2 memangku Gred G1.

Gaji hakiki pegawai : RM 3569 (P1T5)

Gaji permulaan Gred : RM 3569

G1

Perbezaan : Tiada

Elaun Memangku : RM 146 (P1T2 – P1T1 di Gred G1)

### Contoh 3

Seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG2 memangku Gred DG1.

Gaji hakiki pegawai : RM 3716 (P1T6)

Gaji permulaan Gred : RM 3570

DG1

Perbezaan : Gaji hakiki pegawai melebihi gaji permulaan gred jawatan yang dipangkunya.

Elaun Memangku : RM 146 (P1T2 – P1T1 di Gred DG1).

**KAEDAH PERKIRAAN ELAUN PENANGGUNGAN KERJA**

Elaun Penanggungan Kerja ialah 25% daripada gaji permulaan P1T1 dalam gred jawatan yang ditanggung kerja.

Contoh 1

Seorang Jurutera Gred J3 (memangku Jurutera Gred J2) menanggung kerja jawatan Jurutera Gred J2. Gaji permulaan ialah RM 3039, P1T1.

$$\begin{array}{l} \text{Perkiraan Elaun} \\ \text{Penanggungan Kerja} \end{array} = \frac{\text{RM } 3039 \times 25}{100}$$

$$\begin{array}{l} \text{Elaun Penanggungan} \\ \text{Kerja} \end{array} = \text{RM } 759.75$$

Contoh 2

Seorang Akauntan Gred W3 menanggung kerja jawatan Akauntan Gred W3. Gaji permulaan yang terendah bagi jawatan Akauntan ialah RM 1542, P1T8.

$$\begin{array}{l} \text{Perkiraan Elaun} \\ \text{Penanggungan Kerja} \end{array} = \frac{\text{RM } 1542 \times 25}{100}$$

$$\begin{array}{l} \text{Elaun Penanggungan} \\ \text{Kerja} \end{array} = \text{RM } 385.50$$

### Contoh 3

Seorang Pembantu Teknik Gred J5 menanggung kerja jawatan Penolong

Pegawai Tadbir Gred N6. Gaji permulaan ialah RM 724, P1T1.

$$\begin{array}{l} \text{Perkiraan Elaun} \\ \text{Penanggungungan Kerja} \end{array} = \frac{\text{RM } 724 \times 25}{100}$$

$$\begin{array}{l} \text{Elaun Penanggungungan} \\ \text{Kerja} \end{array} = \text{RM } 181.50$$